

Menyambut Kedatangan Bulan Ramadan al-Mubārak

Makalah yang berharga ini, mengalu-alukan kedatangan bulan puasa yang mulia dan menerangkan hukum-hukum dan hikmatnya, telah diucapkan melalui radio Singapura baharu-baharu ini oleh al-Ustādh Ahmad Sonhadji Mohamad guru Madrasah *al-Junayd al-Islāmiyyah*, dan untuk faedah pembaca-pembaca Qalam kami siarkan di sini dengan sepenuhnya- P. Q.

(Oleh: al-Ustādh Ahmad Sonhadji Mohamad)

Kita sekarang telah berada di bulan Sha‘bān dan tak berapa lama akan berada pula di bulan Ramaḍān. Pada beberapa minggu yang lepas kita masih belum melupakan keistimewaan bulan Rajab. Maka ketiga-tiga bulan ini; iaitu Rajab, Sha‘bān, Ramaḍān yang semuanya mulia di sisi umat Islam berentetan satu dengan yang lain berkaitan-kaitan mengandungi cara hidup yang telah menjadi satu tradisi, satu kebiasaan yang dipakai turun-temurun.

Kalau di bulan Rajab keistimewaan bagi kita umat Islam kerana ada saat dan malamnya yang diistimewakan dengan adanya malam 27 Rajab yang mengandungi cerita sejarah yang sungguh-sungguh istimewa pula – iaitu kisah sejarah “*Isra’ dan Mikrāj*” junjungan kita Nabi Muḥammad (SAW). Peluang itu telah dijadikan minggu pembacaan *Isra’ dan Mikrāj* di seluruh pelosok kota dan desa tanah air kita.

Maka di bulan Sha‘bān pula telah dijadikan bulan arwah bulan kenduri memperingati karib kerabat yang sudah jadi arwah. Di sana kenduri, di sini kenduri. Sejak dari hujung kampung kenduri, jingkit-menjingkit, dari sebelah ke sebelah rumah, hingga

sentak sampai ke hujung kampung. Iaitu satu kebiasaan yang setengahnya di ada-adakan dan sangat memberatkan.

Kita sebagai manusia, tak luput dari diikat oleh upacara. Tegak dan duduk, makan dan minum, berduka dan bersuka, ada dengan cara-caranya, dan boleh diupacarakan selagi tidak memberatkan dan tidak keluar dari batas-batas agama.

Seseorang itu patut mengenang jasa orang lain apa lagi jika orang yang dikenangnya atau orang yang diperingatinya ini berjasa benar-benar seperti ayah atau ibunya, guru atau pendidiknya, ketua atau pemimpinnya, pahlawan atau pelopor bangsanya. Semuanya ini adalah orang-orang yang berjasa yang patut dikenang. Atau pun mengenang kerana rasa kasih sayangnya seperti suami atau pun isterinya, anak sendiri atau anak buahnya, sahabat atau kekasihnya semua yang telah pergi dan menjadi arwah itu di dalam agama tak ada larangan mengenang dan memperingatinya, tak ada larangan berterima kasih atau mensyukurinya. Malah orang yang tidak bersyukur kepada orang, bererti tidak syukur kepada Allah. Sebagaimana sabda Nabi (S.A.W): *Man lam yashkuru al-nās lam yashkuru Allah*. Ertinya: “Orang yang tak berterima kasih kepada

orang itu, ia tidak berterima kasih kepada Allah.” Bahkan juga agama menyuruh seseorang itu mendoakan dengan doa kebaikan, menyuruh bacakan ayat-ayat yang suci, memohon pahalanya Tuhan limpahkan kepadanya, hanya yang ditegah mendoakan seseorang itu dengan doa kejahatan.

Mengenang jasa seperti ini atau memperingati budi baiknya atau kasih sayangnya, ialah dengan mendoakan yang baik kepada arwah. Kerana Tuhan itu menyuruh hambanya supaya selalu berdoa dan mereka kepada orang yang tidak berdoa – seolah-olahnya Tuhan itu bukan tempat meminta.

Bukanlah mengenang dengan berbelanja, makan minum yang berlebih-lebihan yang disajikan pada satu saat dan ketika sama serentak di mana-mana sebagaimana kebiasaan orang mengadakan kenduri arwah, seseorang itu menerima jemputan pada satu ketika hingga tiga empat tempat yang akhirnya sajian-sajian itu menjadi membazir dan sia-sia tetapi kerana telah menjadi satu tradisi, satu kebiasaan, dibuat juga walaupun tak tahu hujung pangkalnya jadi ikutan-ikutan, kerana musim itu musim kenduri, kenduri pulalah kita. Orang buat, kita pun buat, walaupun beban yang sedang dipikul itu berat, dibebani lagi supaya bertambah berat. Sekalipun manusia itu terikat oleh cara, cara yang memberatkan dengan tidak diketahui hujung pangkalnya, tidak disuruh oleh agama.

Bukan pula mengenang itu hanya sekali setahun, di kala datang bulan musimnya, di kala jatuh tepat pada harinya, di kala kawan-kawan ada membuatnya, baru teringat pula hendak mengenangnya. Waktu itu jemputlah tukang baca doa. Kadang-kadang hamba Allah itu mendapat jemputan yang bertubi-tubi banyak di musim itu. Konon ceritanya makbul dan

mustajab doanya. Sehingga soal doa-mendoa diserahkan sahaja urusannya kepadanya, mungkin sangkanya bahawa berdoa itu boleh diwakil-wakilkan. Apakah Tuhan tempat kita meminta itu reda, kita yang berhajat orang lain pula yang kita wakilkan supaya memohon dan meminta. Kalau beginilah gara-garanya, akhirnya kelak hamba Allah yang akan memohon dan meminta pertolongan itu terbatas kepada orang-orang yang menjadi tukang membaca doa sahaja.

Tuhan akan mengqabulkan permintaan hambanya dari doanya sendiri selagi masih percaya dengan doanya sendiri.

Kemudian, mengenang orang yang sudah pergi, memohon kepada Tuhan agar dilapangkan kuburnya, agar dicucuri rahmat ke atas rohnyanya yang dilakukan hanya semusim sekali, sesungguhnya sangat mengecewakan orang yang dikenang.

Yang pergi sembahyang tidak akan menambah bekalnya lagi. Apa yang dibawa ialah buah usahanya di dunia, amal kebajikan yang telah dikerjakannya di dunia, sebagaimana firman Tuhan di dalam kitabnya yang suci yang berbunyi: “*Wa ‘an laysa li ‘al-insān illā mā sa‘ā wa ‘anna sa‘yahū sawfa yurā*” Surah al-Najm ayat 39 dan 40 yang ertinya kira-kira: “Dan tiadalah untuk manusia itu, melainkan apa-apa yang diusahakannya. Sesungguhnya usahanya itu akan diperlihatkan kepadanya”.

Jadi tak ada lagi tambahan yang akan diperolehnya. Si ayah atau si ibu tentu akan mengharap-harap doa anaknya yang masih hidup. Kiranya orang yang diharap-harapkan itu hanya mendoakan setahun sekali, semusim sekali. Yang di kubur tetap juga mengharap dan menunggu

Sesungguhnya kerja menunggu-nunggu itu samalah juga seperti seksa. Orang yang terbaring kerana sakit di rumah sakit umpamanya, alangkah seksanya perasaannya kalau tak ada saudara-mara yang mengunjunginya. Sehari sahaja tak ada sanak saudaranya yang melawatnya, amat panjang keluhannya. Sedih dan pilu jika didengar rintihannya. Apa lagi jika menunggu sampai seminggu dua yang ditunggu tak kunjung tiba, akan terhamburlah sumpah seranahnya.

Seksa menunggu di dunia sudah begini, apa lagi seksa menunggu di alam kubur, yang setahun sekali atau semusim sekali baharu dikenang. Oleh itu kenanglah mereka, ingatilah mereka dengan mendoakan setiap lepas mengerjakan sembahyang yang lima waktu, kerana dengan doa lepas sembahyang adalah makbul, sehingga merupakan kenangan dan ingatan yang sejati, dengan mendoakan setiap waktu selagi hayat di kandung badan.

Maka pada bulan Sha' bān yang mulia ini, yang dijadikan oleh kebanyakan orang Islam sebagai bulan mengirim doa arwah dengan upacara kenduri di sana sini, hendaklah kita jadikan ia bulan persediaan, kerana menunggu kedatangan bulan Ramaḍān yang berkat. Iaitu bulan tempat umat Islam memasuki gelanggang perjuangan melawan hawa nafsu selama sebulan dengan berpuasa.

Latihlah diri mulai bulan ini, dan bersedialah untuk mengurangkan tuntutan nafsu perut supaya tahan berlapar. Dan mengurangkan tuntutan keinginan hati, supaya tahan bersabar. Sehingga bila Ramaḍān telah

menjelang dapat disambut dengan penuh rasa tanggungjawab.

Sesungguhnya puasa Ramaḍān itu Tuhan telah wajibkan ke atas umat Islam sebagaimana diwajibkan ke atas umat-umat yang terdahulu. Erti puasa itu mengikut istilah fiqh ialah “menahan diri dari berbuka sepanjang hari yang dibenarkan puasa padanya dengan niat yang tertentu”. Puasa Ramaḍān ini adalah menjadi rukun Islam yang keempat yang wajib ditunaikan oleh tiap-tiap orang Islam. Tidak banyak, hanya sebulan sahaja dalam setahun. Siapa yang sakit atau belayar boleh berbuka dan mengqada di lain hari. Orang yang tidak larat langsung untuk puasa kerana tuanya atau sakitnya bolehlah membayar fidyah sahaja iaitu memberi makan orang miskin, tiap-tiap sehari sekali memberi makan, dengan tidak mengqadanya.

Perempuan yang sedang mengandung atau menyusukan anaknya boleh berbuka jika takut puasanya boleh membahayakan dirinya dan anaknya sekali, kemudian wajib mengqadanya di hari yang lain. Tetapi jika takut membahayakan anaknya sahaja, terkenallah ia qada disertai fidyah sebanyak bilangan hari yang ia tiada puasa.

Ibadat puasa ini hendaklah mengerjakannya dengan niat dahulu di dalam hati seperti “sengaja aku puasa fardu Ramaḍān tahun ini esok” dan meniatkannya pada malam yang ia hendak berpuasa besok. Tiada sah puasa jika tiada disertai niat pada malam harinya. Dan cara niat itu pun memadai jika merupakan perbuatan misalnya ia makan sahur kerana hendak puasa besok.

Niat pada malam hari ini tertentu bagi puasa fardu
Ramaḍān sahaja atau puasa qada Ramaḍān. Sedang
puasa-puasa yang lain tidak disyaratkan niat pada malamnya,
boleh niat pada keesokan harinya.

Adapun masa puasa itu, mulai dari terbit
fajar ṣādiq hingga terbenam matahari. Orang-orang yang
diwajibkan puasa: (1) Orang Islam (2) Sudah
baligh (3) Berakal (4) Berdaya mengerjakannya.

Syarat sahnya puasa: (1) Beragama Islam. (2)
Berakal (3) Bersih dari haid dan nifas. (4)
Sudah mumayyiz (kanak-kanak yang tahu makan minum dan
tahu bersuci dengan sendiri). (5) Niat pada malam hari.

Yang membatalkan puasa; (1) Tiap-tiap mata benda yang
masuk ke rongga badan, perut atau kepala dari lubang-lubang
badan yang terbuka masuknya dengan sengaja (2) Muntah dengan
sengaja (3) Bersetubuh secara sadar (4) Keluar mani
dengan sengaja (5) Datang haid. (6) Datang nifas. (7)
Gila. (8) Murtad (keluar dari agama Islam)

Perkara-perkara yang disunatkan dalam puasa:

- (1) Menyegerakan berbuka jika telah yakin terbenam
matahari.
- (2) Mengakhirkan (melambatkan) waktu makan sahur,
sekira-kira yakin belum terbit fajar. Semakin akhir semakin
utama, kerana terus dapat menunaikan sembahyang Subuh
pada awal waktunya.
- (3) Meninggalkan segala tutur kata yang keji,
mengelakkan segala pemandangan yang haram, dan mengelakkan
segala pendengaran yang kurang baik. Supaya tidak
terjadi umpat-mengumpat, pandang-memandang yang haram,
mendengar-dengar yang keji, kerana yang demikian itu akan merosakkan
pahala puasa, yang dapat hanyalah lapar dan dahaga sahaja.
- (4) Pada malamnya disunatkan sembahyang tarawih berjemaah
dan menadarrus kitab suci al-Qur‘ān. Kerana dibuat

oleh Nabi Muḥammad (S.A.W) pada tiap-tiap malam Ramaḍān menadarrus
Qur‘ān bersama-sama malaikat Jibrīl ‘*alayhi al-sallām* satu malam
sekali khatam.

Sekian serba ringkas keterangan mengenai puasa
dengan menyebutkan syarat-syarat sahnya, sunat-sunatnya dan yang
membatalkannya.

Berkenaan hikmah-hikmah puasa pula, tak dapatlah hendak
saya kupas panjang dan lebar, dalam pada itu saya
rasa tuan-tuan dan puan-puan sekalian telah kerap mendengar
syarahannya mengenai hikmah-hikmah puasa itu dari pensyarah-pensyarah
yang lain.

Hanya yang patut saya serukan di sini ialah:

Marilah bersama-sama dengan pertolongan Allah kita hadapi
perjuangan melawan hawa nafsu dengan sepenuh-penuh
tanggungjawab. Tunjukkanlah bahawasanya umat Islam
mempunyai tekad yang kuat, pegangan yang teguh, tahan
berlapar, kuat bersabar, tidak lekas sempit dada, tidak
mudah panas kepala ketika menjalani ibadat puasa.
Sehingga merupakan orang-orang Islam itu betul-betul orang
mukmin yang kuat. Kerana Nabi (S.A.W) telah menyatakan dengan
sabdanya: *Al-mu‘min al-qawiy khayr wājib ilā Allah min al-mu‘min
al-ḍa‘īf* ertinya: Orang mukmin yang kuat lebih baik
dan lebih disayangi oleh Allah dari orang mukmin yang lemah.

Maka tiada pada tempatnya dan tiada selayaknya kelemahan-kelemahan
orang Islam yang akan memalukan ditunjuk-tunjukkan di dalam bulan
Ramaḍān yang akan menjelang ini. Semoga Allah memimpin kita
dan menyampaikan puasa kita dengan berjaya. Saya
ucapkan “*Ramaḍān Mubārāk*”.

Dan akhirnya *wa bi Allah al-tawfīq, wa al-salām ‘alaykum
wa raḥmat Allah wa barakātuh.*